

Setempat

Kajian NUS: Wanita pikul lebih tanggungjawab jaga anak walaupun bekerja sepenuh masa

Jun 21, 2020 | 07:13 PM



Golongan wanita memikul lebih banyak tanggungjawab menjaga anak berbanding lelaki, walaupun apabila kededuanya bekerja sepenuh masa.

Demikian menurut hasil kajian Universiti Nasional Singapura (NUS) yang menunjukkan bahawa golongan ibu meluangkan lebih banyak masa dengan anak-anak kecil mereka berbanding golongan bapa pada hari biasa.

Pada hujung minggu pula, perbezaan antara keddua tidak begitu ketara, namun golongan ibu masih meluangkan lebih banyak masa berbanding bapa.

Pengkaji utama kajian tersebut, Profesor Jean Yeung berkata: "Apabila anak itu membesar sejak ia dilahirkan sehingga enam tahun, masa yang diluangkan bersama bapa hanya meningkat sedikit sahaja."

Data tersebut merupakan hasil Kajian Perkembangan Awal Singapura yang dikendalikan oleh Pusat Kajian Keluarga dan Penduduk NUS, untuk mengkaji perkembangan awal kanak-kanak.



Levelling up her culinary skills to get closer to her dream of becoming an entrepreneur.

[Read more](#)

